

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA  
(KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 1/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>Perintah Am Bab B memperuntukkan bahawa seseorang pegawai layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran semasa berkursus berdasarkan kadar dan syarat yang telah ditetapkan.</p> <p><b><u>Takrifan</u></b></p> <p><b><u>Kursus</u></b></p> <p>Sebarang kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktik, lawatan sambil belajar, seminar dan bengkel, yang bercorak latihan.</p> <p><b><u>Latihan</u></b></p> <p>Proses pemindahan ilmu pengetahuan bertujuan menambah pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ia meliputi konvensyen, kursus, bengkel/ <i>retreat</i>, makmal (<i>lab</i>), seminar/ taklimat, kolokium, forum, simposium, lawatan rasmi/ korporat/ sambil belajar, klinik kaunseling dan lain-lain program yang memenuhi definisi latihan.</p> <p><b><u>Kursus Pendek</u></b></p> <p>Sebarang kursus sepenuh masa yang tempohnya tiga (3) bulan atau kurang termasuk hari hujung minggu dan kelepasan am, kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan.</p>	<p>PP WP1.10</p> <p>Perenggan 2.4, PP WP1.10</p> <p>Perenggan 1.1, PP PK7.2</p> <p>Perenggan 2.6, PP WP1.10</p>

## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

### PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : <b>BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)</b>	
TARIKH KEMASKINI : <b>31 DISEMBER 2020</b>	MUKA SURAT : <b>2/13</b>

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>Nota: Seseorang pegawai yang mengikuti kursus di luar negara selama 14 hari atau kurang secara berterusan yang dikira berdasarkan hari berkursus, layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.</p> <p><u>Kursus Panjang</u></p> <p>Sebarang kursus sepenuh masa yang tempohnya adalah melebihi tiga (3) bulan termasuk hari hujung minggu dan kelepasan am.</p> <p><u>Pegawai</u></p> <p>Seorang pegawai tetap/ sementara dalam Perkhidmatan Awam, termasuk anggota dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.</p> <p><u>Gred</u></p> <p>Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 dan pindaannya. Pegawai yang membuat pilihan untuk tidak menerima SSM boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran di bawah Pekeliling ini berdasarkan Gred/ Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB)/ Kumpulan Gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976), mengikut mana berkenaan. Jadual perubahan/ perbandingan adalah seperti di Lampiran A.</p>	<p>Perenggan 7.8, PP WP1.10</p> <p>Perenggan 2.5, PP WP1.10</p> <p>Perenggan 2.8, PP WP1.10</p> <p>Perenggan 2.1, PP WP1.10</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 3/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p><u>Ibu Pejabat</u></p> <p>Tempat biasa seseorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>25 km jika boleh dihubungi oleh jalan raya;</li><li>16 km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; dan</li><li>8 km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal dan sungai.</li></ol> <p><u>Tempat Kediaman</u></p> <p>Rumah kediaman biasa pegawai di Malaysia.</p> <p><u>Tempat Penginapan</u></p> <p>Tempat penginapan semasa berkursus di luar negara sama ada di hotel atau di tempat lojing.</p> <p><u>Pusat Pengajian</u></p> <p>Tempat yang sebahagian besar sesuatu kursus itu dijalankan dan bagi tempoh kursus itu, Pusat Pengajian adalah ditakrifkan sebagai Ibu Pejabat.</p> <p><u>Elaun Makan</u></p> <p>Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh 24 jam atau lebih yang dikira mulai daripada waktu bertolak adalah layak menuntut Elaun Makan.</p>	<p>Perenggan 2.2, PP WP1.10</p> <p>Perenggan 2.11, PP WP1.10</p> <p>Perenggan 5.1.1, PP WP1.4 Perenggan 5.1.1, PP WP1.5</p>

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : <b>BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)</b>	
TARIKH KEMASKINI : <b>31 DISEMBER 2020</b>	MUKA SURAT : <b>4/13</b>

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p><u>Pekeliling Bertugas Rasmi Yang Berkaitan</u></p> <p>Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkuat kuasa bagi Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, yang mana berkenaan.</p> <p><b>1. Tuntutan Elaun Perjalanan</b></p> <p>Pastikan Tuntutan Elaun Perjalanan diterima selewat-lewatnya 10 haribulan dalam bulan berikutnya dan dokumen sokongan disertakan seperti berikut:</p> <p>1.1 Borang Tuntutan Elaun Perjalanan Ke Luar Negeri yang lengkap diisi (termasuk pendahuluan diri) dan ditandatangani;</p> <p>Nota:</p> <p>i. Tuntutan perjalanan mengikut Peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam dan Pekeliling Perbendaharaan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 10 hari bulan dalam bulan yang berikutnya. Sebarang permohonan lewat daripada tempoh yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal. Bagi melaksanakan tujuan tersebut, Pegawai Pengawal boleh mewakilkan kuasanya kepada pegawai kanan untuk meluluskan pengecualian tersebut. Kelulusan yang diberi hendaklah berpandukan kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.</p>	<p>Perenggan 2.9, PP WP1.10</p> <p>Perenggan 19, PP WP1.4 (Lampiran D)</p> <p>Perenggan 19, PP WP1.5 (Lampiran C)</p> <p>Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018</p> <p>AP100(a)</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

**TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA  
(KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)**

**TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020**

**MUKA SURAT : 5/13**

<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>ii. Seseorang pegawai hanya boleh mengemukakan satu Borang Tuntutan Perjalanan dalam satu-satu bulan. Jika perjalanan dimulakan pada atau hampir hujung bulan dan disempurnakan dalam bulan yang berikutnya, hitungan kilometer pergi dan balik hendaklah dianggap sebagai perjalanan bagi bulan perjalanan itu disempurnakan.</p> <p>iii. Tuntutan bagi perjalanan rasmi dalam negeri atau luar negeri dan perpindahan rumah hendaklah masing-masing dibuat pada tuntutan yang berasingan.</p> <p>iv. Tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi dan semasa berkursus hendaklah bersekali dalam satu-satu bulan, mengikut di dalam negeri atau di luar negeri.</p>	<p>AP100(b)</p> <p>AP100(d)</p> <p>Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

**TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA  
(KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)**

**TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020**

**MUKA SURAT : 6/13**

<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>1.2 Resit asal atau dokumen yang membuktikan bayaran;</p> <p>Pastikan dokumen berkenaan contohnya salinan penyata Touch n Go/ eWallet/ Kad Debit/ Kad Kredit / lain-lain aplikasi dikemukakan dengan "Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi Kerajaan";</p> <p>1.3 Surat panggilan / arahan untuk menjalankan tugas rasmi;</p> <p>1.4 Arahan/ Kelulusan Ketua Jabatan atau Pegawai Yang Menyelia bagi menjalankan tugas rasmi di luar pejabat;</p> <p>1.5 Kelulusan Ketua Jabatan untuk menggunakan kenderaan sendiri (sekiranya melebihi 240km sehal);</p> <p>1.6 Surat kelulusan ke luar negeri (jika berkaitan);</p> <p>1.7 Salinan penyata akaun bank yang aktif/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank (bagi individu bukan pegawai di jabatan tersebut); dan</p> <p>1.8. Bagi individu yang sudah meninggal dunia, bayaran kepada waris hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:</p>	Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)</b>	
<b>TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020</b>	<b>MUKA SURAT : 7/13</b>

<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Salinan penyata akaun/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank yang aktif; dan</li> <li>ii. Salinan sijil nikah (jika yang meninggal suami/ isteri); atau</li> <li>iii. Salinan sijil kelahiran (jika yang meninggal bapa/ ibu);</li> <li>iv. Salinan sijil kematian; dan</li> <li>v. Bon Ganti Rugi (<i>Indemnity Bond</i>)/ Akuan Ganti Rugi; atau</li> <li>vi. Surat kuasa mentadbir pusaka (sekiranya jumlah melebihi RM2,000.00).</li> </ul> <p>1.9 Surat Akuan Ketiadaan Kemudahan-kemudahan (<i>Non-availability Certificate</i>), jika berkenaan;</p> <p>Nota: Ketua Setiausaha Kementerian diberi kuasa meluluskan kursus pendek di luar negara yang dibiayai Kerajaan Persekutuan. Bagi jabatan yang tidak di bawah kawalan kementerian, maka kuasa tersebut diberi kepada Ketua Jabatan</p> <p>1.10 Arahan pembayaran bagi pendahuluan diri, jika berkenaan;</p> <p>1.11 Kelulusan Pegawai Pengawal/ wakil diberi kuasa bagi kelewatan mengemukakan tuntutan perjalanan (Arahan Perbendaharaan 100(a)), jika berkenaan; dan</p> <p>1.12 Dokumen sokongan lain (jika berkaitan).</p>	<p>Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018</p> <p>Perenggan 5.4.1, PP WP1.5</p> <p>Perenggan 12 (iii) dan (iv), Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2005</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)</b>	
<b>TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020</b>	<b>MUKA SURAT : 8/13</b>

<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>												
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p><b>2. Sijil AP58(a)</b></p> <p>Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut :</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; dan</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi.</p> <p>Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan (jika berkaitan).</p> <p><b>3. Kursus Pendek Di Luar Negara</b></p> <p>3.1 Kadar Elaun Makan yang layak dituntut bagi sepanjang tempoh kursus sekiranya kemudahan makan tidak disediakan adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Gred</b></th> <th><b>Kadar Sehari (RM)</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Utama/ Khas A dan ke atas atau Yang Setaraf</td> <td>300</td> </tr> <tr> <td>Utama/ Khas B dan C atau Yang Setaraf</td> <td>270</td> </tr> <tr> <td>53 dan 54 atau Yang Setaraf</td> <td>240</td> </tr> <tr> <td>45 hingga 52 atau Yang Setaraf</td> <td>200</td> </tr> <tr> <td>Pegawai selain daripada di atas atau Yang Setaraf</td> <td>Seperti di Lampiran C</td> </tr> </tbody> </table>	<b>Gred</b>	<b>Kadar Sehari (RM)</b>	Utama/ Khas A dan ke atas atau Yang Setaraf	300	Utama/ Khas B dan C atau Yang Setaraf	270	53 dan 54 atau Yang Setaraf	240	45 hingga 52 atau Yang Setaraf	200	Pegawai selain daripada di atas atau Yang Setaraf	Seperti di Lampiran C	<p>AP58(a)</p> <p>Perenggan 7.1, PP WP1.10</p>
<b>Gred</b>	<b>Kadar Sehari (RM)</b>													
Utama/ Khas A dan ke atas atau Yang Setaraf	300													
Utama/ Khas B dan C atau Yang Setaraf	270													
53 dan 54 atau Yang Setaraf	240													
45 hingga 52 atau Yang Setaraf	200													
Pegawai selain daripada di atas atau Yang Setaraf	Seperti di Lampiran C													

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

**TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA  
(KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)**

**TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020**

**MUKA SURAT : 9/13**

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan												
<p>Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)</p>	<p>3.2 Sekiranya salah satu kemudahan sahaja yang disediakan, maka hanya unsur yang tidak bahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="523 831 1158 943"> <tr> <td>Sarapan pagi</td> <td>20% drpd Elaun Makan</td> </tr> <tr> <td>Makan tengah hari</td> <td>40% drpd Elaun Makan; hari</td> </tr> <tr> <td>Makan malam</td> <td>40% drpd Elaun Makan</td> </tr> </table> <p>Perhatian: Menurut perenggan 3.4.5.2 PP PB3.1, pegawai tidak dibenarkan untuk menuntut sebarang perbezaan kadar kelayakan dengan kemudahan yang disediakan oleh Penganjur.</p> <p>3.3 Had maksimum kadar Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing yang layak dituntut bagi sepanjang tempoh kursus sekiranya kemudahan penginapan tidak disediakan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="469 1444 1158 1731"> <thead> <tr> <th>Gred</th> <th>Kadar sehari</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Yang Setaraf</td> <td>Bilik Biasa</td> </tr> <tr> <td>Pegawai selain daripada di atas atau Yang Setaraf</td> <td>Seperti di Lampiran C</td> </tr> </tbody> </table> <p>Bayaran perkhidmatan, cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel tersebut adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian daripada kadar Bayaran Sewa Hotel itu.</p>	Sarapan pagi	20% drpd Elaun Makan	Makan tengah hari	40% drpd Elaun Makan; hari	Makan malam	40% drpd Elaun Makan	Gred	Kadar sehari	Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Yang Setaraf	Bilik Biasa	Pegawai selain daripada di atas atau Yang Setaraf	Seperti di Lampiran C	<p>Perenggan 7.3, PP WP1.10</p> <p>Perenggan 3.4.5.2, PP PB3.1</p> <p>Perenggan 7.2, PP WP1.10</p>
Sarapan pagi	20% drpd Elaun Makan													
Makan tengah hari	40% drpd Elaun Makan; hari													
Makan malam	40% drpd Elaun Makan													
Gred	Kadar sehari													
Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Yang Setaraf	Bilik Biasa													
Pegawai selain daripada di atas atau Yang Setaraf	Seperti di Lampiran C													

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : <b>BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)</b>	
TARIKH KEMASKINI : <b>31 DISEMBER 2020</b>	MUKA SURAT : <b>10/13</b>

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	3.4 Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit mengikut had maksimum kelayakannya atau Elaun Lojing dan Elaun Makan bagi tempoh dua (2) hari, iaitu sehari sebelum berkursus dan sehari selepas tamat kursus mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan. Bayaran Perkhidmatan, cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel tersebut adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian daripada kadar Bayaran Sewa;	Perenggan 7.4, PP WP1.10
	3.5 Elaun Pakaian Panas mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;	
	3.6 Bayaran passport antarabangsa dan visa yang disokong dengan resit;	Perenggan 7.5, PP WP1.10
	3.7 Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:	
	3.7.1 Perjalanan pergi balik dari tempat kediaman ke lapangan terbang, sekali sahaja;	Perenggan 7.6, PP WP1.10
	3.7.2 Perjalanan pergi balik dari lapangan terbang ke tempat penginapan, sekali sahaja;	Perenggan 7.7, PP WP1.10
	3.7.3 Perjalanan pergi balik dari tempat penginapan ke Pusat Pengajian sekali sahaja. Sekiranya tempat penginapan tidak disediakan atau tiada keperluan untuk bermalam, jumlah perjalanan pergi balik dari tempat penginapan ke Pusat Pengajian sekali sehari tidak melebihi enam (6) hari;	

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA  
(KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 11/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p>3.7.4 seseorang pegawai yang disangkut ke sesuatu pejabat dan diarahkan oleh Ketua Jabatan bagi menjalankan tugas rasmi layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam mengikut kadar dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;</p> <p>3.7.5 seseorang pegawai yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:</p> <p>i. Kapal Terbang</p> <p>Penggunaan perkhidmatan kapal terbang mengikut kelayakan pegawai sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;</p> <p>ii Kereta Api</p> <p>Penggunaan perkhidmatan kereta api mengikut kelayakan pegawai sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;</p> <p>iii Lain-lain</p> <p>Penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam selain daripada yang dinyatakan di atas dibenarkan dan tuntutan dibuat berasaskan kepada tambang lazim bagi satu perjalanan pergi dan balik sekali sahaja;</p>	Perenggan 7.7, PP WP1.10

## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

### PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA (KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 12/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<b>4. Kursus Panjang Di Luar Negara</b>  Seseorang pegawai yang mengikuti kursus panjang sama ada yang diiktiraf atau tidak sebagai kursus peringkat Diploma/ Ijazah Pertama/ Ijazah Lanjutan adalah tertakluk kepada peraturan yang berasingan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Persekutuan.	Perenggan 8, PP WP1.10
	<b>5. Pendahuluan Diri</b>  Seseorang pegawai yang berkursus di luar Ibu Pejabat adalah layak memohon Pendahuluan Diri tertakluk kepada syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan.	Perenggan 9, PP WP1.10
	<b>6. Peruntukan Am</b>  Sekiranya kemudahan makan, penginapan dan pengangkutan bagi mengikuti kursus pendek/ panjang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur, maka pegawai tidak layak lagi menuntut elaun, kemudahan dan bayaran berkaitan.	Perenggan 10, PP WP1.10
	<b>7. Yuran Kursus</b>  Pegawai layak menuntut bayaran balik yuran kursus yang telah dibelanjakannya dan disokong dengan resit.	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

**TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA BERKURSUS DI LUAR NEGARA  
(KECUALI KURSUS PRA-PERKHIDMATAN)**

**TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020**

**MUKA SURAT : 13/13**

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan																																	
Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)	<p><b>8. Kod Akaun</b></p> <p>Semak sama ada kod akaun yang dipertanggungkan ke atas arahan pembayaran adalah menggunakan kod B0110000 dan B0220000.</p> <table border="1" data-bbox="416 792 1142 1765"> <thead> <tr> <th data-bbox="416 792 746 898">Perkara</th> <th data-bbox="746 792 970 898">Pegawai Perkhidmatan Awam</th> <th data-bbox="970 792 1142 898">Polis</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="416 898 746 972">Bayaran Pasport dan Visa</td> <td data-bbox="746 898 970 972">B0115102</td> <td data-bbox="970 898 1142 972">B0115202</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 972 746 1010">Elaun Pakaian Panas</td> <td data-bbox="746 972 970 1010">B0115112</td> <td data-bbox="970 972 1142 1010">B0115211</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 1010 746 1048">Elaun Makan</td> <td data-bbox="746 1010 970 1048">B0221201</td> <td data-bbox="970 1010 1142 1048">B0221401</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 1048 746 1122">Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing</td> <td data-bbox="746 1048 970 1122">B0221202</td> <td data-bbox="970 1048 1142 1122">B0221402</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 1122 746 1196">Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL</td> <td data-bbox="746 1122 970 1196">B0221203</td> <td data-bbox="970 1122 1142 1196">B0221403</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 1196 746 1368">Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi</td> <td data-bbox="746 1196 970 1368">B0221204</td> <td data-bbox="970 1196 1142 1368">B0221404</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 1368 746 1442">Tambang Kapal/ Bot/ Feri</td> <td data-bbox="746 1368 970 1442">B0221205</td> <td data-bbox="970 1368 1142 1442">B0221405</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 1442 746 1547">Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian</td> <td data-bbox="746 1442 970 1547">B0221206</td> <td data-bbox="970 1442 1142 1547">B0221406</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 1547 746 1727">Bayaran Tol, Cukai Lapangan Terbang, Bayaran Letak Kereta, Cukai Perkhidmatan, Cukai Warisan</td> <td data-bbox="746 1547 970 1727">B0221299</td> <td data-bbox="970 1547 1142 1727">B0221499</td> </tr> <tr> <td data-bbox="416 1727 746 1765">Bayaran Yuran Kursus</td> <td data-bbox="746 1727 970 1765">B0229107</td> <td data-bbox="970 1727 1142 1765">B0229107</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis	Bayaran Pasport dan Visa	B0115102	B0115202	Elaun Pakaian Panas	B0115112	B0115211	Elaun Makan	B0221201	B0221401	Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing	B0221202	B0221402	Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL	B0221203	B0221403	Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi	B0221204	B0221404	Tambang Kapal/ Bot/ Feri	B0221205	B0221405	Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian	B0221206	B0221406	Bayaran Tol, Cukai Lapangan Terbang, Bayaran Letak Kereta, Cukai Perkhidmatan, Cukai Warisan	B0221299	B0221499	Bayaran Yuran Kursus	B0229107	B0229107	PP PS1.1 SPANM Bil.10 Tahun 2017
Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis																																	
Bayaran Pasport dan Visa	B0115102	B0115202																																	
Elaun Pakaian Panas	B0115112	B0115211																																	
Elaun Makan	B0221201	B0221401																																	
Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing	B0221202	B0221402																																	
Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL	B0221203	B0221403																																	
Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi	B0221204	B0221404																																	
Tambang Kapal/ Bot/ Feri	B0221205	B0221405																																	
Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian	B0221206	B0221406																																	
Bayaran Tol, Cukai Lapangan Terbang, Bayaran Letak Kereta, Cukai Perkhidmatan, Cukai Warisan	B0221299	B0221499																																	
Bayaran Yuran Kursus	B0229107	B0229107																																	

Lampiran A

**Jadual Perubahan/ Perbandingan Bagi Pegawai Yang Memilih Untuk Tidak Menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM)**

<b>KUMPULAN (JKK 1976)</b>	<b>GRED/ KATEGORI (SSB)</b>	<b>GRED (SSM)</b>
<b>Kumpulan A</b>	<b>Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Pengurusan dan Profesional</b>	<b>Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Pengurusan dan Profesional</b>
Tingkatan Tertinggi A dan ke atas	Gred Utama/ Khas A dan ke atas	Gred Utama/ Khas A dan ke atas
Tingkatan Tertinggi B dan C	Gred Utama/ Khas B dan C	Gred Utama/ Khas B dan C
Tingkatan Tertinggi D	Kategori I bergaji RM4,794.02 dan ke atas	Gred 53 dan 54
Tingkatan Tertinggi E	Kategori I bergaji RM4,794.01 dan ke bawah	Gred 53 dan 54
Tingkatan Tertinggi F dan G	Kategori II dan III bergaji RM3,905.88 dan ke atas	Gred 45 hingga 52
Tingkatan Kanan	Kategori III bergaji RM3,080.66 hingga RM3,905.87	Gred 45 dan 46
	Kategori IV bergaji RM3,017.74 dan ke atas	Gred 41 hingga 44
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori III bergaji RM3,080.65 dan ke bawah	Gred 45 dan 46
	Kategori IV bergaji RM3,017.73 dan ke bawah	Gred 41 hingga 44
<b>Kumpulan B</b>	<b>Kumpulan Sokongan</b>	<b>Kumpulan Sokongan</b>
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori V dan VI	Gred 31 hingga 40
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori VII	Gred 27 hingga 30
<b>Kumpulan C</b>	<b>Kumpulan Sokongan</b>	<b>Kumpulan Sokongan</b>
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori VIII	Gred 21 hingga 26
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori IX	Gred 17 hingga 20
<b>Kumpulan D</b>	<b>Kumpulan Sokongan</b>	<b>Kumpulan Sokongan</b>
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori X	Gred 13 hingga 16
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori XI	Gred 1 hingga 12

## Lampiran C

### Kadar Elaun Makan, Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing Semasa Berkursus Di Luar Negara

Kategori Negara	Elaun Makan (RM)	Sewa Hotel (RM)	Elaun Lojing (RM)
Kategori I	100	200	100
Kategori II	120	300	120
Kategori III	140	400	140
Kategori IV	160	500	160
Kategori V	180	600	180

<b>KATEGORI I</b>					
Afghanistan	Chile	Kiribati	Nepal	Portugal	Tuvalu
Bangladesh	Colombia	Laos	North Korea	Samoa	Vietnam
Bolivia	Ecuador	Maldives	Pakistan	Sri Lanka	
Bulgaria	Fiji	Mauritius	Peru	Tanzania	
Cambodia	India	Myanmar	Philippines	Tonga	
<b>KATEGORI II</b>					
Angola	Hungary	Morocco	Perengganguay	Solomon Island	Vanuatu
Argentina	Indonesia	Mozambique	Poland	Swaziland	Zimbabwe
Botswana	Lesotho	Namibia	Czech Republic	Taiwan	
Ethiopia	Madagascar	Nauru	Slovak Republic	Thailand	
Ghana	Malawi	New Zealand	Senegal	Tunisia	
Greece	Mali	Papua New Guinea	Seychelles	Uganda	
Guinea	Malta	South Africa	Uruguay		
<b>KATEGORI III</b>					
Albania	Belarus	Georgia	Kenya	Mongolia	Sudan
Algeria	Brunei Darussalam	Gibraltar	Kuwait	Netherlands	Tajikistan
Armenia	Iraq	Kyrgyzstan	Norway	Turkmenistan	Ukraine
Australia	China	Ireland	Lebanon	Qatar	Uzbekistan
Austria	Cuba	Jamaica	Libya	Romania	
Azerbaijan	Cyprus	Jordan	Luxembourg	Russia	
Bahrain	Egypt	Kazakhstan	Moldova	Spain	
<b>KATEGORI IV</b>					
Belgium	Canada	France	Niger	Singapore	Venezuela
Bosnia-Herzegovina	Croatia	Gambia	Nigeria	Suriname	Yemen
	Dahomey	Germany	Saudi Arabia	Switzerland	Zambia
Brazil	Denmark	Guyana	Serbia & Montenegro	Syria	
<b>KATEGORI V</b>					
Barbados	Hong Kong	Japan	Oman	Sweden	United Arab Emirates
Dubai	Iran	Macau	South Korea	Trinidad & Tobago	United Kingdom
Finland	Italy	Mexico	St Lucia	Turkey	USA

Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Semasa Berkursus Di Luar Negara (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)



